



Implanon NXT®
68 mg etonogestrel



ORGANON

PANDUAN UNTUK *IMPLANON NXT*® (ETONOGESTREL RADIOPAQUE IMPLANT) ANDA

TARIKH IMPLAN DIPASANG

/ /

TARIKH DIJANGKA DIKELUARKAN

/ /

Maklumat dalam Paduan Pengguna ini disediakan untuk anda dan Pakar Penjagaan Kesihatan anda yang terlibat dalam penjagaan perubatan anda kerana anda telah diberi preskripsi untuk Implanon NXT®.



Perihal

Apa itu Implanon NXT®?

1

Bagaimana ia berfungsi?

3

Corak Pendarahan dan Haid

Adakah Implanon NXT® akan menukar corak haid dan pendarahan?

4

Apa yang boleh saya jangkakan tentang kitaran haid saya selepas implan dikeluarkan?

6

Penyusuan Bayi

Adakah Implanon NXT® akan menjejaskan bayi saya atau kemampuan saya untuk menyusukan bayi?

7

Ovulasi

Selepas menggunakan implan kontraseptif, berapa lama harus saya tunggu untuk hamil?

8


Apa itu Implanon NXT®?

Implanon NXT® ialah implan kawalan kelahiran yang dimasukkan di bawah lapisan kulit pada bahagian dalam lengan atas anda dan berkesan untuk tempoh yang lama.¹

**Keberkesanan
melebihi**

99%¹

**Melindungi daripada
kehamilan selama**



3 tahun¹



Boleh patah balik¹

- Boleh dikeluarkan pada bila-bila masa oleh Pakar Penjagaan Kesihatan dan anda akan dapat kitaran haid normal dengan segera¹


- Tidak mengandungi estrogen dan merupakan rod kecil yang **fleksibel, radiolegap, lembut, tak terbiodegradasi** dengan permukaan putih ke putih pudar, berukuran kira-kira 4 cm panjang dan 2 mm diameter¹



Implan Implanon NXT® ditunjukkan dalam imej di atas. Panjang sebenar implan adalah 4 cm.¹

Bagaimana ia berfungsi?

Implanon NXT® dimasukkan di bawah lapisan kulit bahagian dalam lengan atas anda.¹



Implan ini melepaskan etonogestrel, sejenis hormon progesteron, **dalam dos kecil secara berterusan.**¹

Implanon NXT® mula berfungsi untuk **mencegah kehamilan pada hari ia dipasang.**^{1,*}

Jika anda ingin terus mencegah kehamilan selepas tamat tempoh 3 tahun, anda boleh **meminta Pakar Penjagaan Kesihatan anda untuk memasang implan baru sebaik sahaja implan lama dikeluarkan.**¹

Implan baru boleh dimasukkan di tempat yang sama **selagi insisi berada pada lokasi yang tepat.**¹

* Jika ia dipasang mengikut arahan yang disertakan di dalam bungkusan, penggunaan kaedah kontraseptif tambahan mungkin tidak diperlukan.

Adakah NXT® akan menukar corak haid dan pendarahan saya?

- Seperti semua kaedah kontraseptif yang hanya menggunakan progestin, corak pendarahan anda mungkin berubah-ia mungkin berhenti, menjadi tidak kerap, atau ada kalanya menjadi berlebihan¹
- Corak pendarahan yang anda alami semasa tiga bulan pertama setelah implan anda dipasang biasanya dapat meramal corak pendarahan anda seterusnya¹

Perubahan dalam corak pendarahan tidak bermakna yang implan tidak sesuai untuk anda atau ia tidak mencegah anda daripada hamil.³



Wanita yang mengalami corak pendarahan yang menyukarkan dalam tempoh 90 hari pertama mempunyai sekurang-kurangnya 50% peluang untuk keadaan menjadi bertambah baik ^{2,*}

*Sebuah kajian telah menganalisis data daripada 11 percubaan klinikal yang mengkaji corak pendarahan yang dikaitkan dengan Implanon NXT®. Pendarahan, tompokan, dismenorea, dan sebab-sebab untuk tidak meneruskan penggunaan telah dikaji.³



Mencatat corak pendarahan harian dalam jurnal dapat membantu anda memahami cara Implanon NXT® akan memberi kesan kepada anda



Sekiranya anda berasa bimbang tentang pendarahan haid anda, hubungi Pakar Penjagaan Kesihatan anda³

DALAM SATU KAJIAN YANG MELIBATKAN 923 PESAKIT:



**1 daripada 5 tidak
mendapat haid**

~1 daripada 5 wanita melaporkan
mengalami amenorea (tiada haid)¹



**1 daripada 5 mengalami
pendarahan yang lebih
banyak daripada biasa**


~1 daripada 5 wanita melaporkan
mengalami pendarahan atau tompokan
yang kerap dan/atau yang berlarutan¹



**3 daripada 5 tidak
mengalami perubahan**

~3 daripada 5 wanita melaporkan
mengalami pendarahan atau tompokan
sekerap atau kurang kerap daripada
biasa¹

Apa yang boleh saya jangkakan tentang kitaran haid saya selepas implan dikeluarkan?



Setelah implan dikeluarkan, anda dijangka akan kembali ke kitaran haid normal dengan pantas.^{1, 4}

Adakah Implanon NXT® akan menjejaskan bayi saya - atau kemampuan saya untuk menyusukan bayi?


Ibu-ibu yang menyusukan bayi boleh menggunakan Implanon NXT®, dan ia hendaklah dipasang selepas minggu keempat melahirkan anak.^{1,3}



Jika pun sedikit hormon dalam implan bercampur dengan susu badan, **penghasilan dan kualiti susu tidak akan terjejas. Walau bagaimanapun, perkembangan dan pertumbuhan bayi hendaklah dipantau dengan rapi.**^{1,3}

Ia tidak menjejaskan sama ada kuantiti atau kualiti protein, laktosa, ataupun kandungan lemak dalam susu badan.^{1,3}

Selepas menggunakan implan kontraseptif, berapa lama harus saya tunggu untuk hamil?



Ovulasi dijangka kembali normal dengan pantas selepas Implanon NXT[®] dikeluarkan.^{1, 3}

Maklumat Keselamatan Terpilih untuk IMPLANON NXT® (etonogestrel)

KANDUNGAN: Setiap implan radiolegap mengandungi 68 mg etonogestrel.

INDIKASI TERAPEUTIK: Pencegahan hamil.

DOS DAN PENGAMBILAN: Wanita hendaklah dipastikan tidak hamil sebelum Implanon NXT® dimasukkan. Pakar pembedahan kesihatan (HCP) amat disarankan untuk menyertai sesi latihan bagi membiasakan diri dengan penggunaan aplikator Implanon NXT® serta teknik memasukkan dan mengeluarkan implan Implanon NXT® dan jika sesuai, meminta penyeliaan sebelum memasukkan atau mengeluarkan implan. Pemasangan subdermal. Tiada penggunaan terdahulu kontraseptif hormon pada bulan sebelumnya: Dimasukkan pada hari 1 & 5 kitaran haid. Bertukar daripada kontraseptif oral campuran (COC), gelang vagina atau tampalan transdermal: Seelok-eloknya dimasukkan pada hari selepas tab COC aktif terakhir, dan selewat-lewatnya pada hari selepas interval bebas tab yang biasa atau tab COC placebo terakhir. Bertukar daripada kaedah progestogen sahaja [pil, suntikan, implan atau sistem intrauterus (IUS)] Kontraseptif suntikan: Dimasukkan pada masa suntikan yang seterusnya patut dibuat. Pil: Dimasukkan pada mana-mana hari 24 jam selepas pil terakhir. Implan atau IUS: Dimasukkan pada hari yang sama implan atau IUS dikeluarkan. Keguguran selepas trimester pertama: Dimasukkan dalam tempoh 5 hari selepas pengguguran atau keguguran trimester pertama. Keguguran selepas trimester kedua: Dimasukkan antara hari ke-21 dan ke-28 selepas pengguguran atau keguguran trimester kedua. Ibu yang menyusukan bayi selepas bersalin: Dimasukkan selepas minggu ke-4 selepas bersalin. Ibu yang tidak menyusukan bayi selepas bersalin: Dimasukkan antara hari ke-21 dan ke-28 selepas bersalin **KONTRAINDIKASI:** Kontraseptif yang hanya menggunakan progestogen sahaja tidak boleh digunakan sekiranya terdapat mana-mana keadaan yang disenaraikan di bawah. Jika mana-mana keadaan timbul pada pertama kali semasa menggunakan Implanon NXT®, penggunaan produk hendaklah dihentikan serta-merta.

- Hamil atau disyaki hamil.
- Gangguan tromboembolik vena yang aktif.
- Terdapat malignan yang sensitif terhadap steroid seks yang diketahui atau disyaki.
- Menghidap penyakit tumor hati, pada masa sekarang ataupun masa lalu (tidak berbahaya ataupun berbahaya).
- Menghidap penyakit hepatic yang teruk, pada masa sekarang ataupun masa lalu, selagi nilai fungsi hati belum kembali normal.
- Pendarahan vagina yang tidak didiagnosis.
- Hipersensitiviti terhadap bahan aktif atau mana-mana eksipien Implanon NXT®.

AMARAN & PENGAWASAN KHAS: Sekiranya wujud mana-mana keadaan/faktor risiko yang disebut di bawah, manfaat penggunaan progestogen berbanding risiko yang berkemungkinan hendaklah dipertimbangkan untuk setiap wanita dan dibincangkan dengan wanita tersebut sebelum keputusan memulakan rawatan Implanon NXT® dibuat olehnya.

- Karsinoma payudara.
- Penyakit hati.
- Peristiwa trombosis atau peristiwa vaskular lain.
- Tekanan darah meningkat.
- Kesan terhadap karbohidrat dan metabolisme lipid.
- Kloasma.
- Berat badan.
- Komplikasi semasa pemasangan.
- Sista ovari.
- Kehamilan ektopi.
- Keadaan lain.

Keadaan yang berikut pernah dilaporkan semasa hamil dan semasa penggunaan steroid seks, tetapi kaitannya dengan penggunaan progestogen tidak dibuktikan: Jaundis dan/atau pruritus yang berkaitan dengan kolestatik; pembentukan batu hempedu; porfiria; lupus eritematosus sistemik; sindrom uremia hemolitik; korea Sydenham; herpes gestationis; kehilangan pendengaran yang berkaitan dengan otosklerosis dan angioedema (keturunan).

KESAN BURUK: Semasa penggunaan Implanon NXT®, wanita berkemungkinan mengalami perubahan dalam corak pendarahan haid mereka. Ini boleh termasuk perubahan dalam kekerapan pendarahan (tiada pendarahan, pendarahan yang kurang, lebih kerap atau berterusan), dan perubahan dalam tahap pendarahan (berkurangan atau bertambah) atau tempoh pendarahan. Kesan-kesan berkaitan yang tidak diingini yang mungkin berlaku dan pernah dilaporkan dalam percubaan klinikal: Jangkitan vagina; sakit kepala; jerawat, rasa sakit & nyeri pada payudara, haid tidak kerap; berat badan bertambah. Selera makan bertambah; mempengaruhi kelabilan, kemurungan, kegembiraan, libido berkurangan; rasa pening; rasa hangat memerah ("hot flush"); sakit perut, loya, rasa kembung; alopecia; dismenorea, sista ovari; tindak balas & rasa sakit pada tempat implan, rasa lesu, kesakitan seperti flu, rasa sakit; berat badan berkurangan.

Sebelum memulakan terapi, sila rujuk Maklumat Preskripsi yang lengkap.



Implanon NXT®

68 mg etonogestrel



**Keberkesanan
melebihi**

99%¹

*Kehamilan kurang daripada 1 untuk setiap 100 wanita yang menggunakan Implanon NXT® selama 1 tahun.¹



**Tahan selama 3
tahun[†]**

tanpa dos harian, mingguan
atau bulanan[†]

[†]Implanon NXT® mesti dikeluarkan
sebelum atau pada hujung tahun ketiga.¹



Boleh patah balik

jadi jika rancangan anda
berubah, ia boleh dikeluarkan
pada bila-bila masa oleh
penyedia penjagaan kesihatan
anda pada bila-bila masa¹

Sila hubungi Pakar Penjagaan Kesihatan anda jika anda mempunyai sebarang soalan atau inginkan maklumat lebih lanjut.

Rujukan: 1. Implanon NXT® CCDS, Organon, 22 Februari 2022. 2. Mansour D, Korver T, Marintcheva-Petrova M, Fraser IS. The effects of Implanon NXT® on menstrual bleeding patterns, *Eur J Contracept Reprod Health Care*. 2008;13(suppl 1):13-28.doi:10.1080/13625180801959931 3. Implanon NXT® CCPPI, Organon, February 22, 2022. 4. Implanon NXT® Prescribing Information, Organon Malaysia, September 2021.